

# Bitara

eISSN : 2805-5470



BIL. 1 / 2024



**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM dengan Syarikat MILI TECH Sdn. Bhd.**



© Penerbit UTHM  
Terbitan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Dilarang untuk menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Diterbit oleh:

**Penerbit UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698/8529  
No. Faks: 07-453 6145

## Redaksi BITARA

### Penaung

Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

### Penasihat

Prof. Madya Dr. Akmal Nizam  
bin Mohammed

### Ketua Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan

### Sidang Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |  
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |  
Cik Nurhuda binti A Malik

### Konsep dan Rekaan

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |  
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |  
Cik Nurhuda binti A Malik

### Penyumbang Berita

ICRC | Pejabat Penerbit | I<sup>2</sup>E | iSWAJ |  
ICC | MyREI | RMC

### Percetakan

Pejabat Penerbit UTHM

# Isi Kandungan

- 04** Aktiviti ICRC
- 05** Aktiviti ICRC
- 06** Aktiviti Pejabat Penerbit
- 07** Aktiviti Pejabat Penerbit
- 08** Aktiviti I<sup>2</sup>E
- 09** Aktiviti I<sup>2</sup>E
- 10** Aktiviti iSWAJ
- 11** Aktiviti iSWAJ
- 12** Aktiviti ICC
- 13** Aktiviti ICC
- 14** Aktiviti MyREI
- 15** Aktiviti MyREI
- 16** Aktiviti RMC
- 17** Aktiviti RMC

Redaksi BITARA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan bagi penerbitan BITARA ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BITARA yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada alamat e-mel [sofia@uthm.edu.my](mailto:sofia@uthm.edu.my)

# *Seulas Bicara*

Assalamualaikum, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani,

Pertama sekali saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah kerana penerbitan Buletin Bitara kini berada di Edisi Kedua bersempena tahun baru 2024. Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pejabat di bawah TNCPI iaitu RMC, ICC, ICRC, Pejabat Penerbit, IIE, MyREI dan ISWAJ di atas sumbangan cemerlang and komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memacu kejayaan penyelidikan dan inovasi.

Pencapaian bagi suku pertama tahun 2024 yang diraikan adalah bukti kesungguhan dedikasi, kreativiti dan daya usaha daripada setiap ahli pasukan TNCPI. Sumbangan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi ini bukan sahaja telah melonjakkan reputasi UTHM tetapi juga memberikan sumbangan berimpak tinggi kepada industri dan masyarakat.

Kerja berpasukan adalah asas kejayaan kita, membolehkan kita bersama menyelesaikan rintangan dan mencapai sasaran yang dijanjikan kepada Universiti. Namun demikian, usaha menuju ke arah kecemerlangan adalah suatu perjalanan yang tidak berpenghujung dan harus dilalui dengan penuh keikhlasan dan iltizam.

Semoga setiap sumbangan wacana minda dan daya usaha kita kepada universiti, negara dan bangsa akan beroleh redha daripada Allah S.W.T.



**PROF. Ts. Dr. Aida binti Mustapha**  
*Pengarah*  
*(Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat)*  
*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

## Lawatan Fizikal di Dalam Kompleks Penjara Kluang

16 Januari 2024 - Ilmu adalah untuk semua. UTHM mengambil semangat ini dan telah mengadakan lawatan fizikal di dalam Kompleks Penjara Kluang bagi merancang beberapa aktiviti yang berkaitan dengan Program Pemindahan Ilmu (KTP), Penyelidikan & Inovasi.

Lawatan ini dianjurkan oleh Pusat Hubungan Industri & Masyarakat (ICRC) bersama TNCPI UTHM bagi merangka, merancang dan melihat dengan lebih dekat peluang kerjasama yang dapat dilakukan dalam membantu, melatih dan melengkapkan penghuni dalam pelbagai bidang pendidikan dan kemahiran vokasional.



Diharapkan hubungan yang terjalin ini dapat memberi peluang dan membuka ruang kepada semua PTJ di UTHM untuk terus memberi khidmat bakti dan memberi manfaat kepada penghuni serta staf di Penjara Kluang melalui program-program yang akan dijalankan.

Hasil penyelidikan dan keilmuan yang dijana di IPT dapat dipulangkan semula kepada masyarakat tidak terkecuali bagi penghuni di penjara itu sendiri tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama. Semoga usaha kecil ICRC ini dapat memberi impak yang besar kepada negara dan masyarakat secara umumnya.

## Sesi Perbincangan ICRC Bersama Provost UTHM

29 Januari 2024 - Perbincangan antara ICRC dan Provost UTHM Pagoh telah berlangsung di kampus Pagoh UTHM.

Sesi perbincangan ini telah dijalankan bagi melihat sinergi yang dapat dilakukan bersama ICRC dalam memacu kampus Pagoh agar lebih cemerlang dan bersinar bagi tahun 2024.

Beberapa aspek telah dibincangkan bagi mengisi ruang yang ada dalam menyumbang kepada keterlihatan UTHM Pagoh dengan strategi, halatuju, jangkauan, potensi, prestasi, daya tarik, menghubungkan titik-titik, keterkaitan, penilaian impak, berfokus, mampan, berkesan dan berinformasi dalam mendapatkan pemahaman yang lebih utuh serta gambaran yang lebih besar selari dengan SKTU 2024.



## Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman MoU antara UTHM dengan Syarikat MILI TECH Sdn. Bhd.



30 Januari 2024 - Naib Canselor UTHM, YB Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim hari ini telah mewakili pihak Universiti bagi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Syarikat MILI TECH Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Pengarahnya, Encik Mohd Farid Abd Manaf bertempat di Pejabat MILI TECH Kajang, Selangor.

UTHM-MILI TECH bakal bekerjasama dalam bidang penyelidikan *Electric Vehicle* (EV) & hibrid, melibatkan aktiviti akademik, penyelidikan dan pembangunan, inovasi serta latihan yang lebih menjurus kepada perkembangan semasa teknologi dan permasalahan sebenar bidang tersebut.

## Industrial Visit @SICPA



1 Mac 2024 - Lawatan kolaborasi UTHM yang diketuai oleh Prof. Ts. Dr. Rabiah TNCPi UTHM ke SICPA telah dijalankan. SICPA merupakan sebuah syarikat antarabangsa di dalam *cybersecurity* dan *watermark (ink & chemical)* yang digunakan pada duit tunai, petroleum dan pelbagai lagi.

## Lawatan Kerja ke Jabil Circuit Sdn. Bhd di Bayan Lepas, Penang.

7 Mac 2024 - Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, TNCPi UTHM mengadakan sesi lawatan kerja ke Jabil Circuit Sdn. Bhd.

Lawatan kerja anjuran ICRC dan I<sup>2</sup>E ini bertujuan meningkatkan jalinan kerjasama UTHM bersama pihak industri berkaitan kolaborasi akademik, bakat dan juga penyelidikan bersama industri selari dengan aspirasi UTHM untuk menjadi *Global Technopreneur University* pada tahun 2030 (GTU 2030).

Turut hadir dalam lawatan kerja tersebut ialah wakil kumpulan penyelidik (*Electronic & System Design, Advance Sensing Device & Technology, VLSI & Embedded System Technology (VEST), Automation, Robotic & Control (ARC), Emerging Telecommunication Technology (ETT), Radio Frequency and Microwave Devices (RFMD)*) dan Ketua Jabatan ICRC .



## Sesi Kolaborasi EDUCITY ACADEMY Bersama ICRC

5 Mac 2024 - Satu kolaborasi antara ISKANDAR INVESTMENT BERHAD @EDUCITY ACADEMY bersama ICRC. Turut hadir *Vice President* dan staf-staf EduCity Academy. Pelbagai peluang kerjasama bakal dirangka.



## Sesi Perkongsian



25 Mac 2024 - Strategi Membina Jaringan Industri anjuran Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), UTHM bertempat di Big Stage, Aras 2, Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM.

Sesi ini disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Sharil Abdullah, Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merangkap Ahli Lembaga Pengarah UTHM yang telah sudi meluangkan masa untuk hadir bagi perkongsian ilmu bersama warga universiti bertajuk 'Strategi Membina Jaringan Industri.'

Turut hadir Prof. Ir. Dr. Yusri Yusof, Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, TNCPi UTHM dan Pegawai-Pegawai Kanan Universiti.



## Bengkel *Open Journal System* (OJS)



Bengkel *Open Journal System* (OJS) bagi prosiding dan jurnal baru berkonsepkan kertas ulasan (*review paper*) diadakan di Bilik Komputer (Blok L) Ground Floor, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



Bengkel *Open Journal System* (OJS) telah disampaikan oleh pembangun laman web sistem OJS, iaitu Encik Mohd Arshad Bin Mohd Lokoman daripada Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

27 Februari 2024 - Bengkel *Open Journal System* (OJS) merupakan salah satu kursus yang dianjurkan oleh Pejabat Penerbit UTHM untuk para editor jurnal dan prosiding UTHM. Bengkel OJS yang berkonsepkan kertas ulasan (*review paper*) telah diadakan pada 27 Februari 2024 (Selasa) bertempat di Bilik Komputer (Blok L) *Ground Floor*, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM. Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Arshad bin Mohd Lokoman daripada Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat, UTHM. Penglibatan para editor prosiding dan jurnal baharu berkonsepkan kertas ulasan (*review paper*) juga sangat memberangsangkan. Sesi soal jawab turut diadakan bagi memberi peluang kepada editor-editor untuk bertanyakan soalan berkaitan sistem OJS.

Kursus yang diadakan secara *one-off* ini dijangka dapat membantu para editor meningkatkan kompetensi dalam pengurusan jurnal bagi kemaslahatan universiti dan semua staf. Selain dapat memperkenalkan fungsi dan ciri-ciri yang terdapat dalam OJS, penganjuran bengkel ini juga secara tidak langsung memberi pendedahan kepada para editor berkaitan proses kerja yang terlibat dalam menerbitkan bahan penerbitan jurnal dan prosiding.

## Bengkel dan Konsultasi Penerbitan Buku di PTJ di Kampus



Dalam usaha meningkatkan penerbitan berkualiti, Penerbit UTHM telah mengadakan Bengkel dan Konsultasi Penerbitan Buku di Fakulti UTHM di kampus Pagoh iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Selain itu, Pusat Kaunseling Universiti dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina juga menjemput Penerbit UTHM untuk bengkel tersebut. Program ini diketuai oleh Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan selaku Ketua Jabatan Penerbitan dan staf daripada unit editorial. Program ini diadakan adalah bertujuan memberi penerangan proses penerbitan daripada manuskrip sehingga menghasilkan buku lebih berkualiti.

Penghasilan buku yang berkualiti ini selari dengan objektif penerbitan buku yang telah ditetapkan oleh Penerbit UTHM.



## Promosi *New Semester Sale* Sepanjang Bulan Mac 2024

1 Mac 2024 - Unit Promosi dan Pemasaran, Penerbit UTHM telah mengadakan promosi 'New Semester Sale' sepanjang bulan Mac 2024. Penerbit UTHM berbesar hati untuk memberikan potongan harga sebanyak 10% hingga 30% diskaun setiap pembelian buku istimewa kepada pelanggan yang hadir secara fizikal ke Kedai Buku Penerbit UTHM.

Diskaun setiap pembelian buku diberikan mengikut kategori tahun terbitan. Bermula pada tahun 2003 hingga 2011, diskaun yang diberikan sebanyak 30%. Bagi buku terbitan tahun 2012 hingga 2017 pula, sebanyak 20% diskaun dan kategori terbitan buku pada tahun 2018 hingga 2023 iaitu sebanyak 10% diskaun diberikan kepada pembeli. Aktiviti ini juga telah dihebahkan melalui platform media rasmi Penerbit UTHM seperti aplikasi Facebook, Instagram dan TikTok.

Bukan itu sahaja, Unit Promosi dan Pemasaran turut menjalankan pemberian buku secara percuma kepada semua pelanggan yang hadir ke Kedai Buku Penerbit UTHM yang telah mengikuti media rasmi Penerbit UTHM di aplikasi TikTok.



Buku untuk diberikan secara percuma kepada pelanggan yang sudah mengikuti Penerbit UTHM di aplikasi TikTok.



Poster promosi *New Semester Sale* bulan Mac 2024 di Kedai Buku Penerbit UTHM.



## TIFO International Mobility “Mottainai” Short Course



Batu Pahat, Johor – Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E) menerusi Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC) yang diketuai oleh Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Radin Maya Saphira binti Radin Mohamed telah berjaya menganjurkan *TIFO Mobility Mottainai Short Course* pada 27-28 November 2023.

Program ini telah disertai oleh pelajar mobiliti dari empat (4) buah negara iaitu Jepun, Indonesia, Filipina dan juga Malaysia selaku tuan rumah. Program ini telah dibiayai oleh Toshiba International Foundation (TIFO) dan juga Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E) bagi memperkukuh proses pemindahan ilmu melalui geran antarabangsa TOSHIBA berikutan pasca lawatan ke Eco-Town Center, Kitakyushu, Jepun.

Secara khususnya, kandungan program ini merangkumi konteks kitar semula plastik, pemuliharaan sumber dan ekonomi sirkular dengan penyampaian oleh pakar bidang jemputan dari *National Institute of Technology (KOSEN)*, Kure College, Japan, Central Luzon State University, Philippines, Universitas Airlangga, Indonesia, SWM Environment Sdn. Bhd dan juga pakar rujuk dari Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC).





## International Conference on Advanced Functional Materials And Devices (AFMD-2024)




Kattankulathur, Chennai, India – Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E) menerusi Pusat Penyelidikan Shamsuddin-Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC) telah menghadiri sesi persidangan antarabangsa *International Conference on Advanced Functional Materials and Devices (AFMD-2024)* yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Nanoteknologi, *SRM Institute of Science and Technology (SRMIST)*, di Chennai, India pada 26 hingga 29 Februari 2024.

Delegasi UTHM ini telah diketuai oleh Pengarah I<sup>2</sup>E iaitu Prof. Ts. Dr. Mohd Khairul bin Ahmad dan disertai oleh Ketua Pusat MiNT-SRC, Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin, pegawai penyelidik, penolong jurutera dan para pelajar pascasiswazah MiNT-SRC. Pihak delegasi juga terlibat sebagai penceramah jemputan, pengerusi sidang serta penilai poster dalam persidangan ini bagi mengukuhkan lagi jaringan kolaborasi strategik antara dua universiti.

Melalui persidangan ini, pasukan UTHM telah memenangi 3 kategori anugerah iaitu Anugerah AFMD Wanita Cemerlang dalam Bidang Sains Bahan, Anugerah Pembentang Lisan Terbaik dan juga Anugerah Pembentang Poster Terbaik.

Delegasi UTHM juga mengambil kesempatan untuk melawat makmal di Pusat Penyelidikan Nanoteknologi (NRC), SRMIST. Perbincangan ke arah mobiliti pelajar dan staf serta kerjasama strategik penyelidikan dari segi gunasama alatan berteknologi tinggi, penerbitan dan penyeliaan akan dijalankan pada masa akan datang.

Persidangan ini membuka ruang visibiliti, kolaborasi dan memberi pendedahan kepada pelajar dan staf. Semoga kejayaan demi kejayaan ini memberi semangat dan menjadi contoh terbaik untuk seluruh warga Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E).



## Kursus Wajib Tenaga Pengajar Halal (KWTPH)



Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Kursus Wajib Tenaga Pengajar Halal (KWTPH) di Lounge Myrivet, UTHM. Kursus ini terdiri daripada 25 pensyarah UTHM dan 4 orang dari Industri. Kursus ini diadakan sebagai salah satu syarat bagi lantikan Penyedia Latihan Halal (PLH) JAKIM.



## Certificate Halal Internal Auditor Jakim (CHIA)

Kursus ini disertai oleh 20 orang pensyarah dari Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara melalui Program Pentauliahan Profesional Halal dan Barista dibawah Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia.

Kursus ini diuruskan bersama rakan strategik MoU Al-Hambra Venture Sdn. Bhd dan diselia oleh Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), UTHM.

## Pelancaran Pelan Pengurusan Halal UTHM (PPHU) 2027 Sempena Majlis Amanat Naib Canselor UTHM 2024

6 Februari 2024 - YB Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM telah melancarkan Pelan Pengurusan Halal UTHM (PPHU) 2027 sempena Majlis Amanat Naib Canselor UTHM 2024 di Pusat Konvensyen Kemudahan Gunasama Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP)



## Majlis Anugerah Cemerlang & Penyerahan Transkrip Program Eksekutif Imam Profesional

30 November 2023 - Sempena Sambutan 10 Penubuhan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah 2013-2023, iSWAJ telah menganjurkan Majlis Anugerah Cemerlang dan Penyerahan Transkrip Program Eksekutif Imam Profesional kepada graduan Kohort 4 yang diadakan pada 30 November 2023 . Majlis ini telah disempurnakan oleh Sohibul Fadhilah Tn. Hj. Makhadzir bin Abdan Al-Hafiz, Imam Besar Negeri Johor.

Turut hadir tetamu kehormat Sohibul Fadhilah As Sheikh Tn. Haji Sabaruddin Bin Isnin, Kadi Daerah Kluang, Ustaz Muhammad Fitri Bin Khalim Yatim Al Hafiz, Wakil Kadi Daerah Batu Pahat dan Imam Abdul Manaf bin Abd Wahab, Imam Daerah Kulai.



## Slot Resolusi IKIM



22 Februari 2024 - Kunjungan YB Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM ke IKIMfm bagi memenuhi jemputan sebagai tetamu segmen Slot Resolusi IKIM bertajuk 'Mendepani Cabaran Dunia Digital: Bagaimana Meningkatkan Kompetensi Ummah?'

Segmen 30 minit ini mengupas cabaran-cabaran serta kesedaran masyarakat hari ini tentang perkembangan dunia digital disamping berkongsi kepentingan meningkatkan kompetensi bakat bagi menghadapi ancaman dunia digital demi kesejahteraan ummah. Kunjungan ini turut disertai wakil pengurusan daripada Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ) UTHM.



## Pelancaran E-Book Himpunan 30 Hadis Bulan Ramadan & Penyerahan Buku *Coffee Table* 10 Tahun Sambutan Penubuhan iSWAJ

19 Mac 2024 - Bertempat di Pejabat Canselori, YB Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM hari ini telah melancarkan E-BOOK HIMPUNAN 30 HADIS BULAN RAMADAN yang diterbitkan oleh Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM. Hadir sama dalam majlis ini YB Prof. Dr. Rabiah Ahmad, TNCPi UTHM serta penyerahan Buku *Coffee Table* 10 Tahun Sambutan Penubuhan iSWAJ 2013-2024 oleh Pengarah iSWAJ, Ust Hj Mustapahayuddin bin Abdul Khalim kepada YB Dato' Naib Canselor diiringi TNCPi UTHM Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad. Sempena 10 Tahun Penubuhan, iSWAJ UTHM beriltizam mengorak langkah dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan perundingan selari dengan misi dan visi UTHM diperingkat global.



## ICC Connects: Kptronics Sdn. Bhd.

3 Januari 2024 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan, ICC UTHM telah mengadakan pertemuan bersama Viosimos KPTRONICS Sdn. Bhd. melalui platform ICC Connects. Pertemuan ini telah dihadiri oleh En. Riadz dan En. Razlan dari KPTRONICS Sdn. Bhd.

Objektif pertemuan ini adalah tertumpu kepada perbincangan mengenai potensi kerjasama melalui *business nature* syarikat tersebut iaitu *Information Communication Technology (ICT) System Security, Other Information Technology Service Activities, Provision of Specialized Telecommunications Applications (Eg Satellite Tracking, Communications Telemetry and Radar Station Operations)*.



## Program Suai Padanan Perniagaan UTHM Bersama Industri Pembinaan

30 Januari 2024 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan, ICC UTHM telah menganjurkan Program Suai Padanan Perniagaan UTHM bersama Industri Pembinaan bertempat di Dewan Jamuan, Aras 5 Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM. Inisiatif kerjasama ini, diserikan dengan kehadiran Tan Sri Dato' Tan Seng Leong, Pengarah Urusan Kumpulan BCB Berhad, dan Cik Lindy Tan, Pengarah Eksekutif BCB Berhad.

Program anjuran ICC UTHM ini bertujuan untuk merapatkan jurang antara akademik dan industri serta membuka jalan untuk berinovasi yang memberi impak dalam sektor pembinaan. Hadir sama dalam program ini adalah Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, TNCPi UTHM.

Pengarah Eksekutif BCB Berhad, Cik Lindy Tan dalam ucapannya menekankan lagi kepentingan memupuk perkongsian kolaboratif. Dalam kata-katanya, *“by harnessing the combined expertise of academia and industry, we can unlock groundbreaking solutions that address critical challenges and shape a sustainable future for the construction sector”*.



## ICC Connects: Viosimos Green Solutions Sdn. Bhd.

7 Januari 2024 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan, ICC UTHM telah mengadakan pertemuan bersama Viosimos Green Solutions Sdn. Bhd. melalui platform ICC Connects. Pertemuan ini telah dihadiri oleh En. Azmi Abu Samah, Pengarah, Viosimos Green Solutions Sdn. Bhd.

Objektif pertemuan ini adalah tertumpu kepada perbincangan kerjasama, halatuju dan potensi pengkomersialan bersama syarikat tersebut.



ICC CONNECTS: VIOSIMOS GREEN SOLUTIONS SDN BHD / GREEN PRODUCT / 07 JANUARY 2024



## Sesi Penilaian Akhir Kategori Institusi Terbaik Bagi Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2023.

14 Februari 2024 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) UTHM telah menerima jemputan bagi mempamerkan produk-produk daripada Syarikat Terbitan Universiti (STU) bersempena Sesi Penilaian Akhir Kategori Institusi Terbaik Bagi Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2023.

Pempamer Syarikat Terbitan Universiti (STU) terdiri daripada:

1. Syarikat Ittihad Maju Jaya Sdn. Bhd - Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan bin Sahdan (Ketua), En. Mohammad Erwan Zaki bin Mat Radzi (Pembentang), Puan Nurhafizab Mashod dan Cik Nurizyan Abyan binti Mohmad Noor (Pelajar Praktikal Syarikat).
2. Syarikat Bambusoideae Technology Sdn. Bhd - Ts. Dr. Mohd Nazrul bin Roslan (Pembentang), Ts. Dr. Muhammad Farid bin Shaari dan Fhaizzatul Fharhana binti Muhamad Zin (Pembantu).
3. Syarikat ProNature Living Solutions Sdn. Bhd. - Ts. Dr. Aliff Hisyam bin A Razak (Pembentang), Prof. Madya Ts. Dr. Noor Akhmazillah binti Mohd Fauzi, Ts. Dr. Sity Aishah binti Mansur dan disokong oleh Prof. Madya Dr. Angzzas Sari binti Mohd Kassim.
4. Syarikat Preston GeoCEM Sdn. Bhd. - Prof. Madya Dr. Saiful Azhar bin Ahmad Tajudin (Ketua), Cik Anis Syamimi binti Suhaili (Pembentang) dan dibantu oleh Cik Qistina Errisa binti Zober.
5. Syarikat Gastro Scholar PLT – Encik Mohd Akmal bin Rohiat (Ketua), Saudara Muhammad Ariff Haikal bin Abdul Razak dan Saudara Muhammad Nur Aiman Bahri bin Bahrim (Pelajar *Master* dan *Degree* FPTV).

Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini terutamanya kepada Pusat Teknousahawan Universiti (PTU) kerana memberi peluang kepada pemilik-pemilik Syarikat Terbitan Universiti (STU) untuk mempamerkan produk syarikat masing-masing.



## Mte 2024: UTHM Pertaruh 10 Produk, Bawa Pulang 10 Pingat

24 Februari 2024 - UTHM berjaya membawa pulang 4 pingat emas hasil penyertaan 10 produk penyelidikan dalam *Malaysia Technology Expo 2024* (MTE 2024) pada 22 hingga 24 Februari 2024 di World Trade Centre, Kuala Lumpur.

Selain 4 pingat emas, UTHM turut meraih 2 pingat perak dan 4 pingat gangsa serta 1 anugerah khas daripada *Japan Intellectual Property Association* (JIPA).

Kejayaan ini membuktikan bahawa aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTHM mampu menarik perhatian umum sekali gus boleh bersaing dengan universiti dan agensi penyelidikan ternama lain di negara ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad bagi menyantuni serta memberi sokongan kepada penyelidik UTHM.

MTE 2024 kali ini mempamerkan lebih 500 produk penyelidikan daripada para penyelidik universiti, pusat penyelidikan dalam dan luar negara, sekolah-sekolah serta agensi-agensi swasta dari dalam dan luar negara antaranya Indonesia, Arab Saudi dan Hong Kong. Tahniah dan syabas diucapkan atas kejayaan semua penyelidik UTHM yang telah menyertai MTE 2024.



## Lawatan Akademik Dan Kerjasama Antarabangsa Ke Universitas Muhammadiyah (UMY) Yogyakarta, Indonesia



Lawatan akademik ini telah dijalankan dengan matlamat untuk menjalin kerjasama baharu dan memperkukuh hubungan akademik dan bukan akademik di antara UTHM dan UMY. Ia telah berjaya merencana pelbagai program kerjasama baharu seperti penganjuran latihan, kursus jangka pendek dan penerbitan bersama. Selain itu, program ini juga telah disulami dengan sesi perkongsian ilmu melalui syarahan umum yang disampaikan oleh pensyarah-pensyarah UTHM yang terdiri daripada Prof. Madya Sr. Dr. Abdul Jalil Omar, Prof. Ts. Dr. Seow Ta Wee, Dr. Sabariah Ani dan Dr. Indera Syahrul Mat Radzuan. Lawatan ini juga disusuli dengan lawatan kunjungan hormat ke beberapa agensi kerajaan di Yogyakarta iaitu Badan Perencanaan & Pembangunan Daerah Istimewa Yogyakarta (BAPPEDA) dan Kementerian Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat (PUPR) di mana beberapa peluang dan potensi kerjasama baharu telah berjaya diteroka.



## Bengkel Penyediaan Bahan Latihan Kerjasama Industri Bersama Pihak *Big Think Training Sarawak*

Bengkel ini dianjurkan secara bersama di antara Felo MyREI dan ahli-ahli pusat kecemerlangan *Centre for Sustainable Infrastructure and Environmental Management (CSIEM)*, FFTP. Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk menghasilkan sinopsis kursus yang bakal ditawarkan kepada pihak industri iaitu *Big Think Training* di Sarawak.



## Perbincangan Kerjasama Strategik Bersama Pihak *Asra Wealth Consulting Services Sdn. Bhd.*

ASRA Wealth Consulting Services Sdn Bhd dari Kuala Lumpur telah berkunjung ke UTHM bagi membuka jalinan kerjasama baharu di antara MyREI dan ASRA bagi merancang program-program bersama seperti penganjuran seminar dan latihan serta program-program khidmat masyarakat yang berkaitan dengan bidang pengurusan harta dan agensi harta tanah.



## MyREI Anjur Kursus 'Valuing Heritage' Dengan Kerjasama Icomos Malaysia Di Melaka



Program pembelajaran berterusan (CPD) yang membawa tema *Valuing Heritage* telah berjaya dianjurkan oleh pihak MyREI bertempat di Grand Swiss-Belhotel, Melaka pada 6 Februari 2024 yang lalu. Ia merupakan program yang dianjurkan melalui kerjasama dengan pihak *International Council of Monuments and Sites (ICOMOS) Malaysia*. Kursus ini mengandungi empat segmen iaitu: (i) Dasar dan Amalan Pemuliharaan Warisan, (ii) Aspek Teknikal Projek Pemuliharaan Warisan, (iii) Pemetaan Budaya; dan (iv) Penilaian Bangunan Warisan. Seramai empat orang penceramah telah diundang ke program ini, iaitu En. Rosli Haji Nor (Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang), Ar. Tiong Kian Boon (Presiden ICOMOS Malaysia), En. Faisal Abdul Rahman (Timbalan Presiden, ICOMOS Malaysia) dan Pn. Manohelmi Mior Tajudin (Penilai Daerah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Melaka). Kursus ini telah berjaya menarik seramai 40 orang peserta daripada pelbagai agensi termasuk kerajaan, swasta, universiti serta NGO. Para peserta kursus ini juga mendapat merit nilai CPD daripada badan profesional iaitu Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah & Pengurus Harta (BOVEAP) dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP).



## Taklimat Sesi Penilaian FRGS kepada Panel Penilai bagi Permohonan FRGS Tahun 2024

14 Disember 2023 - Telah dilaksanakan secara atas talian. Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani binti Adnan selaku Timbalan Pengarah (Bahagian Pengurusan Geran) telah memberikan ucapan aluan kepada penceramah jemputan RMC iaitu Prof. Ts. Dr. Rosziati binti Ibrahim dan panel penilai dalam UTHM. YBhg. Prof. merupakan salah seorang panel penilai yang amat berpengalaman di peringkat KPT. Sehubungan itu, pihak RMC amat berharap bahawa perkongsian ini akan memperkasakan lagi kualiti penilaian proposal geran penyelidikan di UTHM.



## Sesi Training of Trainers (ToT)

19 Disember 2023 - Sesi *Training of Trainers* (ToT) kepada panel penilai dalam permohonan Skim Geran Penyelidikan *Fundamental* (FRGS) tahun 2024 oleh Prof. Ts. Dr. Rosziati binti Ibrahim panel penilai Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT)





## Bengkel Pemerkasaan dan Kelestarian Pengurusan Penyelidikan Peringkat Fakulti/Pusat Tahun 2023 UTHM



## Sharing Session on United Kingdom Research Fund

## Taklimat Penerangan Glosari MyRA



# BUKU TERBITAN

# 2024

CITRA KOKURIKULUM: MELESTARIKAN  
KEGEMILANGAN KOKURIKULUM



Fadillah Ismail, Mohd Khir Mohd Nor & Luffan Jaes  
106 muka surat | RM39.00

CHITOSAN AS FAT-BINDER FOR  
LOWERING BLOOD CHOLESTROL LEVEL



Authors: Siti Nur Farahayu Abd Rahman  
& Siti Amira Othman  
68 pages | RM32.00

TRAVELOG ANAK MUDA:  
BUDAK PARIT PERGI TRAVEL



Editor: Khairunesa Isa  
& Nurulisyazila Othaman  
174 muka surat | RM47.00

INTRODUCTION TO  
STRATEGIC MANAGEMENT :  
CONCEPT AND TOOLS (2nd EDITION)



Abd Rahman Ahmad  
136 pages | RM42.00

TAPIOCA STARCH COAGULANT FOR  
LANDFILL LEACHATE TREATMENT



Nur Shaylinda Mohd Zin,  
Siti Nor Aishah Mohd Salleh & Hamidi Abdul Aziz  
106 pages | RM37.00

GEOSYNTHETICS FOR EFFECTIVE  
GEO-SOLUTION IN MALAYSIA:  
A TECHNICAL COMPILATION



Editor: Chee-Ming Chan  
295 pages | RM64.00

UNIVERSITI  
BUKAN HANYA UNTUK LULUS



Afandi Ahmad & Muzakkir Nadzri  
135 muka surat | RM42.00